

SOALAN PEGAWAI TADBIR DIPLOMATIK NOVEMBER 2016

BAHAGIAN A

1) Antara program-program perumahan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan adalah

- I . Program Bantuan Rumah
- II . Perumahan Rakyat 1Malaysia
- III . Skim Rumah Insan Amanjaya
- IV . Rumah Mesra Rakyat

- A) I, II dan III
- B) I, II dan IV
- C) I, III dan IV
- D) II, III dan IV

2) Berikut adalah objektif Pelan Induk Perindustrian kecuali

- A) mengimport dan menyerap teknologi lebih sofistikated.
- B) menggalakkan penggunaan sepenuhnya sumber asli negara.
- C) meninggikan tahap penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi tempatan.
- D) menjadikan sektor perkilangan sebagai catalyst pertumbuhan perindustrian negara.

3) Isu-isu berikut adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kecuali

- A) pembangunan komuniti setempat.
- B) hak dan tuntutan pembeli rumah.
- C) pelaksanaan konsep kejranaan hijau.
- D) pembangunan fasiliti kawasan luar bandar.

4) Di antara intipati Perjanjian Penubuhan Malaysia ialah

I . Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dijadikan asas kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

II . Sabah dan Sarawak diberikan kuasa autonomi penuh dalam pentadbiran negeri.

III . Kuasa kawalan imigresen diberikan kepada Sabah dan Sarawak.

IV . Meliputi Malaya, Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura.

A) I dan III

B) I dan IV

C) II dan III

D) II dan IV

5) Sebuah komputer yang diserang oleh virus, cecacing atau trojan mempunyai tanda-tanda berikut

I . ingatan utama melebihi dari jangkaan.

II . perubahan pada sistem.

III . program dan fail sedia ada hilang.

IV . fail menjadi korup.

A) I dan II

B) III dan IV

C) I, III dan IV

D) II, III, dan IV

6) Pilih pernyataan yang benar mengenai Kabinet di Malaysia.

- I . Kabinet merupakan sebuah badan pemerintah
- II . Dasar dan arahan Kabinet dilaksanakan oleh jentera pentadbiran negara
- III . Kabinet diketuai oleh seorang Perdana Menteri yang juga Ahli Dewan Negara
- IV . Kabinet berfungsi menjalankan kuasa eksekutif yang dipegang oleh Yang di-Pertuan Agong

- A) I dan III
- B) II dan IV
- C) I, II dan III
- D) I, II dan IV

7) Negeri-negeri Melayu Bersekutu terdiri daripada

- A) Perak, Selangor, Pahang dan Melaka.
- B) Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Johor.
- C) Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.
- D) Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan.

8) Faktor-faktor yang menjadi penyumbang utama kepada pelaburan asing dalam negara adalah

- I . keadaan politik dan ekonomi yang stabil
- II . peningkatan kos infrastruktur
- III . kapasiti modal insan yang berkemahiran
- IV . dasar-dasar pelaburan kerajaan yang liberal

- A) I, II dan III
- B) I, II dan IV
- C) I, III dan IV
- D) II, III dan IV

9) Berikut merupakan contoh-contoh Perlembagaan Bertulis kecuali

- A) Undang-undang Adat.
- B) Undang-undang Islam.
- C) Perundangan Subsidiari.
- D) Perlembagaan Persekutuan.

10) Taman Negara Gunung Tahan terletak di sempadan antara negeri

- I . Pahang
- II . Kelantan
- III . Terengganu
- IV . Perak

- A) I dan II
- B) I dan IV
- C) II dan III
- D) I, II dan III

11) Dewan Negara terdiri daripada 70 orang ahli berdasarkan kategori berikut

- A) 35 ahli dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, 35 ahli melalui pengundian oleh Negeri.
- B) 57 ahli dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, 13 ahli melalui pengundian oleh Negeri.
- C) 50 ahli dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, 20 ahli melalui pengundian oleh Negeri.
- D) 44 ahli dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, 26 ahli melalui pengundian oleh Negeri.

12) Pusat Sehati Usahawan Wilayah diwujudkan untuk membolehkan usahawan mendapat sokongan dan bantuan di bawah satu bumbung. Antara berikut yang manakah Organisasi Pembangunan Usahawan (EDO) dan Organisasi Pembangunan Industri (IDO) yang ditempatkan di pusat sehati ini?

I . Majlis Amanah Rakyat

II . SME Bank

III . Bank Rakyat

IV . Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga

A) I, II dan III

B) I, II dan IV

C) I, III dan IV

D) II, III dan IV

13) Manakah antara berikut merupakan kemudahan ameniti sosial?

A) Rumah teres

B) Perhentian bas

C) Kebun buah-buahan

D) Pusat membeli belah

14) Berikut merupakan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan kecuali

A) Perkapalan dan Pelayaran.

B) Pertanian dan Perhutanan.

C) Perdagangan dan Perusahaan.

D) Perhubungan dan Pengangkutan.

15) Apakah pendirian ASEAN yang menjadi asas kepada kestabilan geopolitik dan ekonomi rantau berkenaan?

- A) Mewujudkan blok keselamatan rantau Asia Tenggara
- B) Meningkatkan kerjasama perdagangan di kalangan anggotanya
- C) Mewujudkan pasaran tunggal dan asas pengeluaran dengan aliran bebas
- D) Menolak kekerasan dan menggalakkan penyelesaian konflik secara aman

16) Berikut adalah negara-negara yang menandatangani Deklarasi Bangkok pada 8 Ogos 1967 kecuali

- A) Indonesia
- B) Filipina
- C) Singapura
- D) Brunei

17) Dasar Orang Kurang Upaya (OKU) dilaksanakan dengan beberapa objektif seperti berikut kecuali

- A) menghapuskan diskriminasi terhadap golongan OKU.
- B) mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak OKU.
- C) memastikan golongan OKU menikmati hak, peluang dan akses secara saksama.
- D) memberi bantuan sebagai sara hidup kepada golongan OKU yang dikenalpasti.

18) Pilih agensi yang bukan di bawah tanggungjawab KPDNKK

- A) Bank Rakyat.
- B) Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- C) Perbadanan Harta Intelek Malaysia.
- D) Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga.

19) Sebelum diluluskan, sesuatu rang undang-undang mestilah melalui susunan tahap-tahap berikut

- A) Peringkat Jawatankuasa, Bacaan Pertama, Bacaan Kedua dan Bacaan Ketiga.
- B) Bacaan Pertama, Peringkat Jawatankuasa, Bacaan Kedua dan Bacaan Ketiga.
- C) Bacaan Pertama, Bacaan Kedua, Bacaan Ketiga dan Peringkat Jawatankuasa.
- D) Bacaan Pertama, Bacaan Kedua, Peringkat Jawatankuasa dan Bacaan Ketiga.

20) Badan yang menjalankan kuasa eksekutif dan bertindak sebagai badan penyelaras utama di peringkat negeri ialah

- A) Menteri Besar.
- B) Ketua Menteri.
- C) Majlis Mesyuarat Kerajaan.
- D) Setiausaha Kerajaan Negeri.

21) Apakah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang berfungsi mempromosi pelaburan dalam negara?

- A) Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
- B) Malaysian Industrial Development Finance Berhad
- C) Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
- D) Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia

22) Siapakah atlet pertama negara yang memenangi pingat emas Sukan Paralimpik?

- A) Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi
- B) Muhammad Ziyad Zolkefli
- C) Siti Noor Radiah Ismail
- D) Abdul Latif Ramly

23) Klinik Nur Sejahtera LPPKN adalah sebuah klinik yang berkonsepkan kesejahteraan. Perkhidmatan yang disediakan di klinik ini ialah

I . Pengurusan Kesihatan Kanak-kanak.

II . Saringan kanser reproduktif.

III . Ujian makmal kesuburan.

IV . Perkhidmatan perancang keluarga.

A) I, II dan III

B) I, II dan IV

C) I, III dan IV

D) II, III dan IV

24) Dokumen yang tidak dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia ialah

A) Pasport Malaysia.

B) Sijil Akuan Pengenalan.

C) Sijil Kewarganegaraan.

D) Pasport Perjalanan Berkumpulan.

25) Malaysia pernah menjadi pengerusi bagi pertubuhan antarabangsa berikut kecuali

A) Persidangan Negara-negara Islam.

B) Pertubuhan Negara-negara Berkecuali.

C) Pertubuhan Negara-negara Komanwel.

D) Persatuan Negara-negara Asia Tenggara.

26) Ethernet ialah teknologi jejaring komputer berdasarkan pada kerangka jaringan

- A) wifi.
- B) lokal.
- C) global.
- D) metro.

27) Apakah kemuncak tertinggi di Banjaran Titiwangsa?

- A) Gunung Tahan
- B) Gunung Stong
- C) Gunung Korbu
- D) Gunung Gayong

28) Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia dilaksanakan setiap 10 tahun. Bilakah kali terakhir Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia diadakan?

- A) 2000
- B) 2005
- C) 2010
- D) 2012

29) Kluster perkhidmatan yang tidak ditawarkan di Pusat Transformasi Bandar (UTC) ialah

- A) Utiliti.
- B) Kesihatan.
- C) Pelancongan.
- D) Pembangunan Belia.

30) Negara yang tidak menganggotai Komanwel ialah

- A) India.
- B) Filipina.
- C) Singapura.
- D) Bangladesh.

31) Perkara-perkara yang terkandung dalam Senarai Persekutuan ialah

- I . pengangkutan
- II . perhutanan
- III . perkapalan
- IV . pertahanan

- A) I, II dan III
- B) I, II dan IV
- C) I, III dan IV
- D) II, III dan IV

32) Manakah antara berikut tidak benar mengenai Yang di-Pertuan Agong?

- A) Gelaran rasmi Ketua Utama Negara
- B) Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia
- C) Dipilih secara bergilir di kalangan pemimpin negeri
- D) Melantik Jemaah Menteri atas nasihat Perdana Menteri

33) Tapak Ramsar berkepentingan bagi konservasi burung air dan tanah lembap. Manakah antara berikut kawasan yang diwartakan sebagai Tapak Ramsar?

- I . Tapak Ramsar Sungai Pulai, Johor
- II . Tapak Ramsar Tasek Bera, Pahang
- III . Tapak Ramsar Pulau Kukup, Johor
- IV . Tapak Ramsar Pulau Jerjak, Pulau Pinang

- A) I, II dan III
- B) I, II dan IV
- C) I, III dan IV
- D) II, III dan IV

34) Pilih kenyataan yang tepat mengenai Program eRezeki

- A) mewujudkan peluang pekerjaan kepada individu yang berkemahiran.
- B) membantu graduan mendapat latihan separa mahir sebelum bekerja.
- C) menghubungkan golongan berpendapatan rendah dengan saluran pendapatan digital.
- D) memberi bantuan kepada individu menggunakan saluran digital untuk memulakan perniagaan.

35) Apakah kesan Perjanjian British dan Belanda 1824 kepada pengaruh penjajahan Barat di Asia Tenggara?

I . Perpecahan Empayar Johor - Riau

II . Siam tidak dijajah oleh kuasa Barat

III . Kepulauan Melayu dipecahkan mengikut kuasa British dan Belanda

IV . Pembahagian Kepulauan Melayu kepada pengaruh British dan Perancis

A) I dan II

B) I dan III

C) II dan IV

D) III dan IV

36) Kewarganegaraan Malaysia boleh diperolehi dengan kaedah berikut kecuali

A) kuatkuasa undang-undang.

B) penganugerahan taraf.

C) percantuman wilayah.

D) pendaftaran.

37) Siapakah yang mengetuai Badan Perundangan, Badan Pemerintah dan Badan Kehakiman?

A) Peguam Negara

B) Perdana Menteri

C) Yang di-Pertuan Agong

D) Yang di-Pertua Dewan Negara

38) Simbol bulatan pada logo olimpik melambangkan

- A) penyatuan.
- B) jumlah benua.
- C) keharmonian.
- D) semangat kesukanan.

39) Antara berikut manakah yang dikenakan GST?

- A) Pengangkutan awam
- B) Perkhidmatan pendidikan
- C) Penyewaan hartanah pertanian
- D) Pembelian tanah untuk tujuan pelaburan

40) Antara negara ASEAN berikut manakah yang masih belum melaksanakan GST?

- A) Laos
- B) Filipina
- C) Vietnam
- D) Myanmar

41) Taman asuhan kanak-kanak dikategorikan kepada

- I . rumah
- II . tempat kerja
- III . rumah kedai
- IV . institusi

- A) I dan II
- B) II dan IV
- C) I, II dan IV
- D) II, III dan IV

42) Yang manakah bukan ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada wang kertas Malaysia?

- A) Mikrofilem
- B) Jalur hologram
- C) Cetakan intaglio
- D) Benang keselamatan

43) Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA) menjadi saluran Malaysia untuk membangunkan keupayaan pertahanan dengan bantuan negara-negara rakan. Berikut merupakan negara-negara yang menganggotai FPDA kecuali

- A) Australia.
- B) Singapura.
- C) Indonesia.
- D) United Kingdom.

44) Organisasi berikut merupakan organisasi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kecuali

- A) World Health Organization.
- B) International Monetary Fund.
- C) International Civil Aviation Organization.
- D) Civil Rights International Foundation.

45) Hari Sukan Negara ialah acara tahunan yang disambut pada hari Sabtu

- A) minggu pertama bulan Oktober.
- B) minggu kedua bulan Oktober.
- C) minggu ketiga bulan Oktober.
- D) minggu keempat bulan Oktober.

46) Yang manakah bukan Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA)?

- A) mengurangkan kadar jenayah
- B) menambah baik pengangkutan awam
- C) meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti
- D) meningkatkan kesedaran penjagaan kesihatan

47) Kegunaan rizab negara adalah sebagai simpanan untuk

- A) membiayai bencana alam.
- B) menanggung hutang kerajaan.
- C) membiayai projek pembangunan.
- D) menanggung defisit imbalan bayaran.

48) Negeri manakah yang menjadi tempat pendaratan pertama di Tanah Melayu oleh tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua?

- A) Perlis.
- B) Perak.
- C) Kedah.
- D) Kelantan

49) Wakil kerajaan ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva dikenali sebagai

- A) Pesuruhjaya Tinggi.
- B) Perwakilan Tetap.
- C) Konsul Jeneral.
- D) Duta.

50) Berikut merupakan ciri-ciri keselamatan maklumat kecuali

- A) integriti.
- B) privasi.
- C) kerahsiaan.
- D) ketersediaan

BAHAGIAN B

1) Sempena Aidilfitri, Pasaraya XYZ mendapatkan stok tepung gandum sebanyak 2 tan 71kg pada 1 Jun. Pada 31 Julai didapati baki tepung gandum yang tidak terjual ialah sebanyak 1 tan 80kg. Dalam masa yang sama, daripada kiraan awal stok terdapat 15 paket tepung yang telah bocor. Berapakah jumlah berat tepung yang berjaya dijual sekiranya berat 1 paket tepung ialah 1kg?

- A) 991kg
- B) 976kg
- C) 56kg
- D) 91kg

2) Pn. Siti memerlukan 1 paket gula 5 gram dan 2 paket creamer 5 gram untuk menjadikan air sebanyak 0.5 liter manis dan sedap untuk diminum. Berapakah jumlah gula dan creamer yang diperlukan oleh Pn. Siti bagi menghasilkan 5 liter air?

- A) 50 gram
- B) 100 gram
- C) 150 gram
- D) 200 gram

3) Jadual di bawah menunjukkan peratusan mengikut berat durian yang dijual di sebuah pusat membeli belah. Jika berat durian D24 itu ialah 16kg, berapa jumlah berat kesemua jenis durian tersebut?

Buah	Peratus
Durian Tempatan	15%
Durian Siam	35%
Durian D 24	x
Durian Musang King	30%

- A) 64
- B) 80
- C) 90
- D) 95

4) Murugan mempunyai RM180,000.00 dalam peti besi. Ianya terdiri daripada wang kertas RM100.00, RM50.00 dan RM10.00. Berapa kepingkah wang kertas RM10.00 yang Murugan ada sekiranya dia mempunyai 88 keping RM100.00 dan 200 keping RM50.00?

A) 14 000 keping

B) 16 120 keping

C) 13 280 keping

D) 15 160 keping

5) Manakah antara pernyataan matematik berikut adalah benar?

A) $1.8 + 3.3 = 4.20$

B) $6.0 \div 10 = 60$

C) $1/100 \times 600 = 0.6$

D) $1.3 \times 10 = 13.0$

6) Panjang satu segiempat tepat ialah $(m + 9)$ cm manakala lebarnya ialah m cm. Perimeter segiempat tepat tersebut ialah 66cm. Apakah nilai m ?


A) 14

B) 12

C) 15


D) 19

7) Berapakah jumlah segi empat tepat yang terdapat di dalam rajah di bawah?



- A) 34
- B) 38
- C) 40
- D) 42

8) Dalam rajah di bawah, AB ialah tangen sepunya kepada dua bulatan yang masing-masing berpusat P dan Q. Diberi $PA = 8\text{cm}$ dan $QB = 5\text{ cm}$. Cari nilai bagi sudut APQ .



- A) $12^\circ 65'$
- B) $23^\circ 34'$
- C) $76^\circ 39'$
- D) $47^\circ 23'$

9) Sekeping zink berbentuk segi empat tepat. Panjang zink itu lebih 7cm daripada lebarnya. Luas permukaan kepingan zink itu ialah 120cm^2 . Jika panjang pepenjuru permukaan kepingan zink itu sama dengan perimeter sebuah pentagon sekata, cari panjang sisi pentagon sekata itu.

- A) 15cm
- B) 5.6cm
- C) 17cm
- D) 3.4cm

10) Dalina membeli seutas rantai tangan emas seberat 47g pada Januari 2015 dengan harga RM9,800.00 termasuk upah iaitu RM400.00. Pada Januari 2016, harga emas naik sebanyak 28%. Dalina ingin menukarkan rantai tangan itu dengan gelang fesyen baru. Susut nilai emas terpakai yang ditawarkan ialah sebanyak 20% daripada nilai barang kemas. Jika berat gelang itu ialah 57g dan upahnya pula RM500.00, berapakah wang yang perlu ditambah Dalina untuk menukarkan rantai tangan?

- A) RM12,032.00
- B) RM15,092.00
- C) RM2,406.40
- D) RM5,677.47

11) Setiap 1kg gula dan 20 biji telur boleh menghasilkan 2kg kek red velvet. Siti telah menerima tempahan untuk menghasilkan 10kg kek tersebut. Walau bagaimanapun hanya 8kg yang mampu dihasilkan. Berapakah bahan mentah yang diperlukan untuk menghasilkan kek tersebut?

- A) 10kg gula + 100 biji telur
- B) 8kg gula + 80 biji telur
- C) 4kg gula + 80 biji telur
- D) 6kg gula + 60 biji telur

12) Jumlah penduduk di negara X pada tahun 2010 ialah 31.28 juta. Diberi bilangan penduduk yang tingginya 170 cm dan ke atas ialah 2.8% daripada jumlah penduduk. Hitung bilangan penduduk yang tingginya di bawah 170 cm (1 juta = 10⁶).

- A) 97.2×10^8
- B) 9.72×10^7
- C) 30.4×10^6
- D) 3.04×10^8

13) Gaji bulanan bagi 8 orang pekerja sebuah restoran ialah RM1,000.00, RM1,050.00, RM1,080.00, RM1,200.00, RM1,200.00, RM1,250.00, RM1,230.00 dan RM1,400.00 masing-masing. Kirakan minima gaji bulanan pekerja-pekerja berkenaan.

- A) RM1176.25
- B) RM1176.00
- C) RM9410.00
- D) RM9410.25

14) Dalam sebuah sekolah terdapat seramai 280 pelajar tingkatan empat. 80% telah mengambil peperiksaan Matematik Tambahan. $\frac{3}{4}$ daripadanya telah lulus peperiksaan tersebut. Berapakah jumlah pelajar yang telah lulus peperiksaan tersebut?

- A) 157
- B) 168
- C) 170
- D) 224

15) Klinik 1Malaysia beroperasi bermula jam 9 pagi dan berakhir jam 6 petang setiap hari, kecuali Sabtu dan Ahad. Sekiranya doktor boleh merawat 15 orang pesakit dalam masa satu jam, berapakah ramai pesakit yang boleh dirawat pada hari Isnin sehingga Khamis?

- A) 280 orang
- B) 135 orang
- C) 540 orang
- D) 480 orang

16) Antara yang berikut, yang manakah memberikan nilai yang lebih daripada 13.40 tetapi kurang daripada 15.40?

- A) $11.2 \times 8 \div 5$
- B) $24 \div 1.5 \times 3.1$
- C) $13.04 \times 3 \div 5$
- D) $8.388 \div 4 \times 7$

17) Cari satu nombor bulat dengan keadaan hasil tambah kuasa dua dan kuasa tiga bagi nombor itu sama dengan 36 kali nombor bulat yang berikutnya.

- A) 12
- B) 10
- C) 8
- D) 6

18) Ali mengimport sebuah mesin yang berharga RM10,000.00 daripada negara China. Berapakah jumlah duti kastam yang perlu dibayar sekiranya mesin tersebut tertakluk kepada duti import 10% dan GST 6%?

- A) RM660.00
- B) RM10,660.00
- C) RM1,660.00
- D) RM600.00

19) Dua dadu dilambung bersama-sama. Kebarangkalian dadu A mendapat nombor 3 dan dadu B mendapat nombor 5 adalah

- A) $6/36$
- B) $1/36$
- C) $4/36$
- D) $3/36$

20) Nombor yang sesuai bagi P dan Q ialah

Nombor	Pola nombor
1	1
2	3
3	6
4	$P + 1$
5	$Q + 1$

A) $P = 9$; $Q = 12$.

B) $P = 9$; $Q = 14$.

C) $P = 10$; $Q = 15$.

D) $P = 12$; $Q = 16$

21) Perimeter sebuah segiempat tepat adalah 32 cm. Jika lebar segiempat itu adalah 4 cm, cari panjang segiempat tersebut.

A) 4 cm

B) 8 cm

C) 12 cm

D) 16 cm

22) Satu huruf dipilih secara rawak daripada perkataan 'MATEMATIK'. Kebarangkalian memilih huruf konsonan ialah

A) $\frac{2}{11}$

B) $\frac{1}{2}$

C) $\frac{9}{16}$

D) $\frac{5}{9}$

23) En Kassim mempunyai ladang. Dia menternak lembu, kambing , burung unta dan arnab. Bilangan arnab adalah 4,208 ekor. Bilangan kambing adalah 734 kurang daripada bilangan lembu. Bilangan burung unta adalah 2,055 ekor kurang daripada bilangan arnab sementara bilangan lembu adalah 3022 lebih daripada bilangan burung unta. Berapakah jumlah kesemua haiwan ternakan di ladang encik Kassim?

- A) 17,964 ekor
- B) 13,824 ekor
- C) 19,567 ekor
- D) 15,977 ekor

24) Kopitiam Pak Uda telah dilesenkan sebagai GST registrant. Berapakah jumlah keseluruhan yang perlu dibayar oleh Ali sekiranya beliau membuat pesanan tiga jenis makanan bernilai setiap satu RM15.00, RM20.00 dan RM10.00?

- A) RM45.70
- B) RM54.00
- C) RM47.70
- D) RM65.70

25) Sebanyak 2000 buah 'powerbank' yang dikeluarkan oleh kilang X diuji. 100 buah 'powerbank' didapati rosak. Cari keberangkalian 'powerbank' itu adalah elok.

- A) 10/18
- B) 1/20
- C) 7/18
- D) 19/20

26) Baki duit Daud dalam akaunnya adalah RM1000.00. Setiap transaksi pengeluaran akan dikenakan caj bank sebanyak RM1.00 dan cukai barang dan perkhidmatan. Berapakah baki duit Ali sekiranya beliau telah membuat pengeluaran sebanyak RM500.00 dalam dua transaksi?

- A) RM498.00
- B) RM497.88
- C) RM499.00
- D) RM498.94

27) $18/1000$ adalah bersamaan dengan

- A) 1.8
- B) 0.8
- C) 0.18
- D) 0.018

28) Faktorkan ungkapan kuadratik berikut $6X^2 + 7X + 2$.

- A) $(6X + 7)(X + 1)$
- B) $(3X + 1)(X + 2)$
- C) $(2X + 7)(X + 1)$
- D) $(2X + 1)(3X + 2)$

29) Apakah nilai M?

1	2	3
2	4	6
3	6	M

A) 1

B) 3

C) 4

D) 7

30) Sebuah kereta berada pada kedudukan bearing 3150 dari sebuah lori tertentu. Berapakah bearing lori itu daripada kedudukan kereta tersebut?

A) 3150

B) 2250

C) 1350

D) 0450

31) Bundarkan jawapan kepada dua tempat perpuluhan bagi operasi $3,102,110 - 847,003 \div 13 =$

A) 173,469.76

B) 3,036,955.93

C) -608,379.16

D) 303,777.82

32) P, Q dan R adalah tiga lokasi bandar di atas permukaan bumi. R berada ke selatan P manakala Q berada ke timur R. Jarak PR adalah 6 km dan jarak QR adalah 8 km. Cari jarak PQ.

- A) 5km
- B) 10km
- C) 12.3km
- D) 17.5km

33) Pada Disember 2013, Kavitha melabur di bank XYZ sebanyak RM50 000. Pada tahun 2014 Bank XYZ memberi dividen sebanyak 7.2%. Dividen pada tahun 2015 menurun sebanyak 4% daripada dividen pada tahun 2014. Berapakah jumlah wang pelaburannya pada Januari 2016?

- A) RM56,000.00
- B) RM54,560.20
- C) RM53,600.00
- D) RM55,315.20

34) Jarak di antara daerah A dan C adalah 90km lebih jauh daripada jarak dari Daerah A dan Daerah B. Perjalanan dari Daerah A ke Daerah B mengambil masa selama 3 jam dengan dengan kelajuan 90km/j. Berapakah jauh jarak di antara Daerah A dan C?

- A) 320km
- B) 360km
- C) 340km
- D) 335km

35) Kamarulzaman dapat mengecat lima buah basikal dalam masa 2 jam 30 minit. Kamarulzaman hanya bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari sehari. Berapa hari yang diperlukan oleh Kamarulzaman untuk menyiapkan kerja-kerja mengecat sebanyak 65 buah basikal?

- A) 5 hari
- B) 6 hari
- C) 7 hari
- D) 8 hari

36) Salleh menunggang basikal menuruni Bukit Gelugor dengan kelajuan 20km/j. Jarak dari puncak bukit hingga ke kaki bukit ialah 50km. Berapakah tinggi Bukit Gelugor sekiranya panjang Bukit Gelugor ialah 40km?

- A) 10km
- B) 20km
- C) 60km
- D) 30km


37) $\frac{1}{2}$ liter cat minyak berwarna merah boleh digunakan untuk mengecat sebuah bilik dengan keluasan dinding 16 kaki persegi. Berapa liter cat yang diperlukan oleh Ali sekiranya beliau dikehendaki mengecat dinding dengan keluasan 1000 kaki persegi?

- A) 105 liter
- B) 125 liter
- C) 150 liter
- D) 175 liter

38) Fahmi mangambil masa purata 6 minit untuk menanda satu skrip kertas esei. Jika Fahmi memperuntukkan masa 2 jam sahaja dalam 1 hari untuk menanda kertas peperiksaan tersebut, berapa harikah masa yang diperlukan untuk menanda 300 kertas skrip esei tersebut?

- A) 13
- B) 14
- C) 15
- D) 16

39) Sebuah segitiga bersudut tegak ABD. BCDE ialah garis lurus dan $CD = 3BC$. Cari nilai kos X° .



- A) $7/24$
- B) $-24/25$
- C) $-7/25$
- D) $24/25$

40) Pada tahun 2014 seramai $(7ab + 9c)$ calon telah memohon untuk memasuki Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41. Sementara pada tahun 2015 pula bilangan pemohon telah berkurang kepada $(10ab - 4c)$. Berapakah beza bilangan pemohon untuk Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 dalam tahun 2014 dan 2015?

- A) $-3ab + 5c$
- B) $-3ab + 13c$
- C) $3ab + 13c$
- D) $17ab + 13c$

JAWAPAN